



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

DASAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur , Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : MAMPU.600-1/17/1(2)

Tarikh : 27 Ogos 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Persekutuan;
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan;
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri; dan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

DASAR PERKONGSIAN DATA SEKTOR AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberikan panduan kepada Agensi Sektor Awam bagi melaksanakan perkongsian data merentas agensi ke arah penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang bersepadu dan berpacukan data.

LATAR BELAKANG

2. Transformasi digital menjadi agenda utama dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan kerana potensinya menyumbang ke arah kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Pendigitalan ialah budaya norma baharu yang perlu diarusperdanakan di semua peringkat termasuk Agensi Sektor Awam, Agensi Swasta dan rakyat. Pelbagai usaha transformasi digital telah dilaksanakan antaranya membangunkan pelan pendigitalan, inovasi produk dan ekosistem digital yang menyokong proses transformasi digital. Antara elemen penting kepada transformasi digital ini ialah **perkongsian data merentas agensi**.

3. Perkongsian data merentas agensi menjadi semakin penting kerana Agensi Sektor Awam semakin memerlukan data daripada pelbagai sumber bagi membolehkan fungsinya dilaksanakan dengan lebih lancar dan berkesan di samping dapat mengoptimumkan potensi data. Perkongsian data juga dapat menyokong proses pembuatan keputusan yang lebih cepat, tepat dan efisien serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan sektor awam yang lebih menyeluruh merentas agensi dan berpaksikan rakyat.

KEPERLUAN

4. Usaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang selari dengan perkembangan teknologi digital semasa telah mendorong permintaan tinggi terhadap data daripada pelbagai sumber, jenis dan kategori di semua peringkat Agensi Sektor Awam.

5. Perkhidmatan digital yang menyeluruh diperkasakan melalui perkongsian data merentas Agensi Sektor Awam bagi merealisasikan penyampaian perkhidmatan digital yang berpacukan data. Usaha ini dapat meningkatkan penggunaan data bagi penyelesaian digital yang menjimatkan kos dan menguntungkan negara.

6. Kejayaan perkongsian data sektor awam bergantung kepada pelbagai faktor kritikal seperti kecekapan tadbir urus, perundangan dan peraturan yang kondusif, standard yang menyokong *interoperability*, platform perkongsian data yang selamat serta pembudayaan yang berterusan. Maka Agensi Sektor Awam hendaklah mengambil tindakan menyediakan persekitaran pemboleh daya yang menyokong pelaksanaan perkongsian data berdasarkan faktor-faktor kritikal yang dinyatakan.

7. Pengukuhan perkongsian data dapat dilaksanakan melalui tadbir urus data yang cekap dan berkesan. Justeru, agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Data di peringkat agensi atau mengguna pakai forum sedia ada bagi penyelarasan program berpacuan data.

8. Instrumen perundangan semasa agensi dikatakan mengekang perkongsian data. Dengan itu, agensi hendaklah menyemak dan membuat penajajaran terhadap instrumen perundangan serta pentadbiran yang sedang berkuat kuasa bagi menyokong dasar perkongsian data dan keperluan pendigitalan.

9. Perkongsian data merentas agensi memerlukan penetapan standard dari aspek prosedur, teknikal dan mekanisme yang boleh diterima pakai oleh semua agensi. Oleh yang demikian, agensi hendaklah melaksanakan perkongsian data dengan menggunakan standard dan platform yang sedang berkuat kuasa bagi membolehkan perkongsian data yang lancar dan selamat.

10. Kesedaran mengenai perkongsian data dilihat sebagai salah satu faktor penting bagi meningkatkan amalan perkongsian data. Sehubungan dengan itu, agensi hendaklah memaksimumkan usaha pembudayaan perkongsian data dalam-kalangan warga agensi terhadap kepentingan dan keperluan perkongsian data.

PELAKSANAAN

11. Agensi Sektor Awam hendaklah melaksanakan **perkongsian data** merentas agensi bersama-sama dengan pihak pengguna data yang terlibat seperti komuniti perniagaan, rakyat dan penjawat awam untuk tujuan inovasi pendigitalan dan

penyampaian perkhidmatan berpacukan data demi kesejahteraan rakyat, kelestarian pentadbiran serta pembangunan negara.

12. Agensi Sektor Awam hanya boleh berkongsi data apabila memenuhi prinsip yang berikut:

- a. Perkongsian data atas keperluan dan mendapat persetujuan;
- b. Perkongsian data secara selamat; dan
- c. Perkongsian data menambah nilai kepada perkhidmatan awam, rakyat dan negara.

13. Dalam keadaan yang tertentu, Ketua Setiausaha Negara atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau Ketua Jabatan boleh mengarahkan pelaksanaan perkongsian data demi kepentingan perkhidmatan.

14. Pelaksanaan perkongsian data hendaklah merujuk Dasar Perkongsian Data Sektor Awam seperti dalam Lampiran A.

STRUKTUR TADBIR URUS

15. Pemantauan pematuhan dasar peringkat sektor awam dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Program Berpacukan Data. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju dan strategi, memantau status pelaksanaan serta memberikan nasihat berhubung dasar dan isu-isu semasa berkaitan dengan Program Berpacukan Data. Pemantauan pematuhan dasar peringkat agensi dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Data Agensi atau mengguna pakai forum sedia ada bagi pemantauan program berpacukan data.

PEMAKAIAN

16. Dokumen dasar ini terpakai kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliiling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan, melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukannya dikaji semula.

PERTANYAAN

18. Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Kerajaan Digital
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8872 5113
No. Faks. : 03 - 8000 5531
E-mel : bkd@mampu.gov.my
Laman web : www.mampu.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Ketua Setiausaha Negara

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Dasar Perkongsian Data Sektor Awam
A1	Tatacara Umum Permohonan dan Kelulusan Perkongsian Data
A2	Contoh Surat Rasmi Permohonan Data
A3	Contoh Surat Rasmi Kelulusan Permohonan Data
A4	Contoh Memorandum Persefahaman (MoU)
A5	Contoh Perjanjian Perkongsian Data